



## **Amalan *Angkikiat* masyarakat Murut Paluan di Sabah**

Muhammed Syafiq bin Salleh, Nur Afifah Vanitha Abdullah

Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Nur Afifah Vanitha Abdullah ([nurafifah@ukm.edu.my](mailto:nurafifah@ukm.edu.my))

Received: 17 November 2021; Accepted: 19 May 2022; Published: 31 May 2022

### **Abstrak**

Murut Paluan adalah salah satu sub etnik kaum Murut di Daerah Nabawan, Sabah yang mengamalkan tradisi perkahwinannya yang tersendiri. Upacara *inasi* merupakan proses akhir dalam adat perkahwinan masyarakat Murut Paluan yang juga disebut sebagai pemberian terakhir. Terdapat beberapa acara dalam amalan *inasi* dan salah satunya adalah acara *angkikiat* yang mengandungi nilai seni persembahan yang signifikan. Artikel ini bertujuan mengupas proses *angkikiat* dengan mengaplikasi konsep '*the nest*' dalam teori Persembahan oleh Richard Schechner. Sebuah kajian asas dirangka dengan kaedah kualitatif sebagai reka bentuk kajian. Temu bual pula dipilih sebagai kaedah utama bagi memperolehi data. Pada masa yang sama analisis kandungan dilaksanakan untuk meneliti gambar foto dan rakaman video acara *angkikiat*. Informan utama kajian ini ialah penyimpan adat dan budaya Murut Paluan yang berumur lebih dari 50 tahun dan ahli masyarakat yang mengamal serta menganjurkan acara tersebut. Dapatan kajian ini adalah, acara *angkikiat* adalah '*metacommentary*' terhadap pandang dunia masyarakat Murut Paluan tentang nilai kekeluargaan. Keunikan *angkikiat* adalah persembahan mencari pengantin perempuan yang berfungsi sebagai pembuka bicara antara kedua keluarga yang terlibat. Acara ini juga membuktikan nilai yang diletakkan oleh masyarakat ini terhadap kerjasama, sokongan kewangan dan maruah keluarga melalui amalan *angkikiat* dalam upacara *inasi*. Selain itu, ia juga memaparkan komitmen masyarakat ini dalam memastikan pemeliharaan amalan tradisi mereka.

**Kata Kunci:** *angkikiat*, *inasi*, Murut Paluan, perkahwinan, persembahan, Sabah

## **The *Angkikiat* practice among the Murut Paluan of Sabah**

### **Abstract**

Murut Paluan is a sub ethnic in the Murut society in Nabahawan, Sabah that practices a very unique wedding tradition. The *inasi* ceremony is the final process in the Murut Paluan wedding

custom also referred to as the last gift presentation. There are several events in the *inasi* ceremony and one of it is the *angkikiat* that contains significant performance value in it. This article aims to explain the *angkikiat* process in the *inasi* ceremony. Therefore, a fundamental research with qualitative methods was designed to collect this study's data. The interview was the main instrument, besides in-depth observation on photos and videos of previous *angkikiat* events. The main informant for this study was over 50 years old, Murut Paluan customs and culture beholder. The other informants were Murut Paluan community members with experience in participating and organizing the event. The "nest" concept in Richard Schechner's Performance theory was applied as the analysis framework for this study. The findings of this study is that the *angkikiat* event is the "metacommentary" of the Murut Paluan community's world view on the value of family. The uniqueness of *angkikiat* is identifying the bride event that serves as an ice breaker among two families. *Angkikiat* in *inasi* also proves the value placed on collaboration, financial support and family dignity among members of the Murut Paluan community. It also proves the commitment of this community in ensuring the preservation of their tradition.

**Keywords :** *angkikiat, inasi, Murut Paluan, marriage, performance, Sabah*

## Pengenalan

Suku kaum Murut adalah salah satu etnik pribumi di Sabah dan merupakan etnik kedua terbesar dan tertua di negeri tersebut (Borham et al., 2016). Masyarakat Murut terdiri daripada 12 pecahan sub etnik, antaranya ialah Murut Tahol, Murut Timugon, Murut Nabai dan Murut Paluan (Karimon & Md Razi, 2020). Menurut Wooley (1936), asal usul istilah Murut diberikan oleh orang-orang Brunei serta pengkaji Barat. Istilah ini digunapakai secara meluas dan umum bagi merujuk kepada kaum Murut yang terdiri daripada pecahan sub etnik yang pelbagai. Majoriti masyarakat Murut Paluan mendiami daerah Nabawan, di bahagian selatan negeri Sabah (Pugh-Kitingan, 2012). Mengikut tradisi kependudukan masyarakat pribumi di Sabah, masyarakat Murut menetap di sepanjang sistem sungai dan di kawasan pedalaman Sabah. Istilah 'Murut tanah tinggi' digunakan untuk merujuk kepada masyarakat Murut yang mendiami kawasan bukit dan kaki gunung (Kib, 2003; Lokin, 2007).

Masyarakat Murut masih mengamalkan tradisi budaya dan kesenian mereka dalam konteks seni persembahan seperti tarian, pakaian adat, alat muzik dan makanan (Mohad, 2005). Pegangan kepada amalan-amalan tradisi kaum ini sangat terserlah semasa upacara-upacara penting seperti perkahwinan (Mohad et al., 2016). Walaupun berlaku peredaran zaman dan sedikit perubahan ritual masyarakat disebabkan penghijrahan agama, aspek amalan tradisi yang tidak bertentangan dengan agama baharu dikekalkan dan diteruskan. Salah satu amalan tradisi yang masih dikekalkan adalah proses-proses dalam perkahwinan kaum ini.

Mereka memberi perhatian yang serius dalam melaksanakan amalan tradisi tersebut dengan penuh komitmen. Penekanan diberi kepada adat perkahwinan kerana kaum Murut mementingkan ikatan kekeluargaan. Selain itu, adat perkahwinan juga adalah agen penting untuk mengeratkan silaturahim dalam kalangan kaum ini (Jacquelina, 2020). Adat perkahwinan Murut terdiri daripada beberapa acara, antaranya adalah merisik, meminang, bertunang, majlis perkahwinan adat, dan tinauh (Murut Tahol) atau *inasi* (Murut Paluan). *Inasi* adalah upacara pemberian *berian* terakhir yang diamalkan oleh masyarakat Murut Paluan. Tujuan upacara *inasi* diadakan adalah untuk membawa pengantin perempuan ke rumah ibu bapanya. Di samping itu,

upacara ini juga diadakan untuk mengeratkan hubungan keluarga antara pihak pengantin lelaki dan perempuan (Jacquelina, 2020).

*Inasi* adalah upacara yang terakhir dalam adat perkahwinan masyarakat Murut Paluan. Tujuan utama amalan *inasi* dilaksanakan adalah untuk menghantar berian terakhir atau hadiah daripada pihak lelaki kepada keluarga perempuan. Upacara *inasi* biasanya diadakan setelah kedua-dua pasangan pengantin tersebut hidup bersama dalam beberapa tahun. Pelaksanaan amalan ini bergantung kepada kemampuan ekonomi pihak lelaki untuk mengadakan upacara *inasi* tersebut (Rapieh, 2020). Upacara *inasi* atau berian terakhir ini berlangsung sekitar dua hingga tiga hari. Sepanjang hari pelaksanaan upacara *inasi*, ianya sarat dengan aktiviti-aktiviti dan acara-acara yang melibatkan penyertaan dari kedua-dua belah pihak keluarga pengantin perempuan dan pengantin lelaki (Joseph, 2021). Sekurang-kurangnya terdapat 13 acara atau aktiviti yang dijalankan sepanjang majlis *inasi* dilaksanakan (Kim & Sikuat, 2020). Acara *angkikiat* adalah salah satu acara pembukaan untuk upacara *inasi* (Jesilda, 2021). Acara *angkikiat* juga disebut sebagai acara bermain-bermain dalam kalangan kaum Murut Paluan.

Acara *angkikiat* merupakan satu acara wajib dalam upacara *inasi*. Upacara ini perlu dilaksanakan untuk menyempurnakan upacara *inasi* (Joseph, 2021). *Angkikiat* adalah satu bentuk lakonan spontan oleh pihak tuan rumah, iaitu keluarga pihak pengantin perempuan semasa ketibaan pihak tetamu atau keluarga pihak lelaki (Kim & Sikuat, 2020). Lakonan *angkikiat* ini bertujuan memberi indikasi kepada pihak tetamu untuk menikmati hidangan makanan yang dihidangkan dengan sepuas-puasnya. Acara ini disertai oleh pengantin perempuan dan beberapa wanita dari pihak tuan rumah. Dalam lakonan ini, pengantin perempuan akan berpura-pura sakit perut dan ingin ke tandas. Tindakan pengantin perempuan ini adalah tanda bahawa pihak tuan rumah telah menyediakan banyak makanan untuk menjamu pihak lelaki. Oleh kerana hidangan tuan rumah sedap dan pelbagai, pihak tetamu makan sepuas-puasnya sehingga terasa ingin ke tandas. Acara ini juga pada masa yang sama menunjukkan sikap pihak tetamu yang menghormati dan menghargai jamuan tuan rumah, serta sikap mereka yang tidak membazir rezeki yang dikongsi oleh tuan rumah bersama mereka (Kim & Sikuat, 2020).

Acara *angkikiat* sangat unik dan ia dilaksanakan sejak turun temurun dalam kalangan kaum Murut Paluan. Walaupun *angkikiat* adalah sesebuah amalan tradisi, acara ini memiliki nilai seni persembahan dan hal ini dilakukan secara bersahaja oleh kaum ini. Oleh yang demikian, artikel ini bertujuan menghuraikan proses amalan *angkikiat* dalam konteks seni persembahan dengan bersandarkan konsep nest oleh Richard Schechner (2003) dalam teori persembahannya.

## **Kajian literatur**

Kajian yang mengangkat masyarakat pribumi Sabah sebagai subjek agak membanggakan setakat ini. Walau bagaimanapun disebabkan kepelbagaian sub etnik masyarakat pribumi Sabah, masih terdapat pelbagai jurang ilmu dalam konteks ini. Murut adalah antara kaum pribumi di Sabah yang masih perlu didokumentasi secara ilmiah dari pelbagai sub etnik dan topik. Walaupun terdapat beberapa penulisan lepas tentang masyarakat Murut di Sabah, dokumentasi tentang subjek ini masih terhad. Antara sarjana di Malaysia yang telah mendokumentasi tentang masyarakat Murut setakat ini adalah Ismail Ibrahim (2012), Pugh-Kitingan (2012), Borham, Abdullah, Rahim dan Kamaruzaman (2016), Suhaimi Magi (2018), Min dan On (2019), Karimon dan Md Razi (2020; 2021). Oleh kerana pecahan sub etnik masyarakat Murut pelbagai, maka pendokumentasian tentang kaum Murut sebagai subjek kajian adalah rencam dan pelbagai.

Antara topik kajian yang telah dirakam adalah seperti motif dan corak serta kraf tangan oleh Ismail Ibrahim (2012), peralatan muzik seperti gong oleh Suhaimi Magi (2018), dan sosiobudaya oleh Pugh-Kitingan (2012) tentang kaum ini. Namun begitu, penelitian terhadap penulisan-penulisan lepas ini menunjukkan bahawa etnik Murut Paluan secara khusus, kurang mendapat perhatian oleh para penyelidik setakat ini. Oleh yang demikian terdapat jurang ilmu tentang suku kaum Murut Paluan, termasuk adat dalam upacara perkahwinan mereka terutamanya dalam konteks seni persembahan.

Pugh-Kitingan (2012) hanya membincangkan secara umum adat perkahwinan sub etnik Murut Timugon dalam konteks ilmu antropologi. Namun begitu setiap sub etnik dalam masyarakat Murut di Sabah mempunyai amalan tersendiri dalam melaksanakan adat perkahwinan mereka. Justru walaupun istilah “berian terakhir” wujud dalam rata-rata sub etnik Murut, acara ini mempunyai perbezaan dari segi perlaksanaannya dari satu sub etnik kepada sub etnik Murut yang lain. Hal ini telah menimbulkan persoalan kepada penulis untuk merungkai amalan yang dijalankan dalam upacara “berian terakhir” atau disebut sebagai *inasi* oleh masyarakat Murut Paluan.

Selain Pugh-Kitingan (2012), adat perkahwinan masyarakat Murut Tahol telah dijelaskan secara umum oleh Mohad (2016). Menurut Mohad (2016), nilai *tajau* sangat bergantung kepada usia sesuatu tajau. Hal ini turut disebut dalam penulisan Ismail Ibrahim (2012) dan Pugh-Kitingan (2012). *Tajau* tidak hanya digunakan sebagai tempat letak makanan dan minuman tetapi ia juga turut digunakan upacara kematian yang telah diamalkan semenjak zaman nenek moyang sehingga kini. Berdasarkan kajian terdahulu, masyarakat Murut dapat diklasifikasikan sebagai masyarakat yang masih mengamalkan adat dan amalan yang diamalkan oleh nenek moyang mereka.

Kupasan kajian melalui sudut pandang seni persembahan mengenai budaya masyarakat Murut Paluan juga mempunyai jurang yang amat ketara. Suhaimi Magi (2018) telah menjalankan satu kajian mengenai perubahan tarian masyarakat Murut iaitu tarian Magunatip dengan berfokus pada Murut Nabai dan Murut Paluan. Tarian ini pada awalnya hanya berfungsi sebagai permainan tradisional yang kemudiannya menjadi persembahan pentas pada masa kini. Melalui analisis perspektif teoritikal yang digunakan oleh Suhaimi Magi (2018), hasil kajian menemui tarian rakyat mempunyai fungsi khusus sebagai tarian upacara serta tarian hiburan dalam masyarakat Murut Nabai dan Murut Paluan. Perspektif mengenai permainan rakyat dijadikan sebagai sebuah persembahan selari dengan pendapat Richard Schechner (2003) yang menyatakan bahawa setiap aktiviti yang dijalankan oleh manusia adalah sebuah persembahan.

Sehingga kini pengaplikasian teori Persembahan sebagai kerangka analisis bagi mengupas budaya ritual dan material masyarakat di Malaysia Timur telah dilaksanakan oleh Nur Afifah (2018; 2021). Nur Afifah (2018) membincangkan ritual makan tahun masyarakat Kadayan di Sarawak. Penulis ini mendapati bahawa kebanyakan persembahan tradisi masyarakat Kadayan berkait dengan pekerjaan asal mereka sebagai petani. Acara kesyukuran terhadap hasil tanaman padi yang digelar sebagai “Makan Tahun” adalah satu acara utama yang diamalkan hingga masa kini. Acara ini diamalkan sekali setahun dan dilaksanakan secara kolektif oleh masyarakat tersebut. Persembahan ritual Makan Tahun ini juga memerlukan persiapan yang rapi dan mempunyai beberapa peringkat atau proses bagi menyempurnakan keseluruhan acara. Dengan berfokus pada proses persembahan dan kaedah pelaksanaan, ritual ini didapati menjadi satu *metacommentary* iaitu pemapar budaya masyarakat Kadayan di Sarawak. Malahan pelaksanaan acara ini turut mencerminkan keutuhan dan kerjasama dalam masyarakat Kadayan.

Manakala Nur Afifah (2021) pula menghuraikan fungsi gong dalam kehidupan golongan aristokrat Sebuy, Kenyah di Sarawak. Persamaan yang didapati di dalam penulisan makalah tersebut dengan perbincangan artikel ini adalah tentang fungsi gong dalam upacara adat perkahwinan. Masyarakat Murut Paluan juga menggunakan gong dalam upacara perkahwinan mereka. Gong menjadi simbol atau penanda untuk kemeriahan sesebuah acara serta menjadi isyarat atau *cue* untuk menandakan bahawa sesebuah acara itu sudah bermula dan juga tamat. Sebaliknya, dalam golongan aristokrat Sebuy pula, gong menjadi satu lambang kepada budaya material masyarakat Sebuy. Dalam konteks hantaran atau hadiah perkahwinan, gong berfungsi sebagai alat indikator pada status sosial sesebuah keluarga. Selain itu, gong juga berfungsi sebagai penebus maruah dan isyarat ketika kecemasan dan malapetaka terjadi. Sehubungan itu, artikel ini menyumbang kepada korpus ilmu alat muzik tradisional yang turut digunakan di dalam upacara adat dan tidak hanya berfungsi sebagai alat muzik semata-mata. Sehubungan itu, artikel ini mengaplikasi konsep '*the nest*' dalam teori Persembahan Richard Schechner (2003) untuk menghuraikan acara *angkikiat* dalam konteks persembahan.

## Metodologi

Ketirisan kajian dalam skop sub etnik Murut Paluan mendorong kajian terhadap amalan *angkikiat* dalam upacara *inasi* masyarakat Murut Paluan di Sabah dijalankan. Oleh yang demikian, kajian fundamental atau kajian asas dipilih bagi mendapatkan data untuk mencapai objektif kajian ini. Kaedah kualitatif dengan temu bual dan analisis kandungan seperti gambar dan video dijadikan sebagai reka bentuk kajian untuk mendapatkan data sebagai sumber primer.

Kaedah temu bual digunakan bagi mendapatkan maklumat berkaitan dengan pelaksanaan acara *angkikiat*. Pengkaji telah menjalankan temu bual tersebut bersama informan secara atas talian kerana negara sedang dilanda pandemik covid-19. Hasil dari temu bual secara atas talian berikut ditranskripsikan satu persatu ke dalam bentuk teks. Data yang diperolehi daripada temu bual tersebut dianalisis dan disusun terlebih dahulu isi kandungannya bagi menganalisis secara teliti tentang persembahan *angkikiat* dalam upacara *inasi* Murut Paluan di Sabah.

Data-data kajian untuk menjawab persoalan kajian diperolehi dari hasil temu bual dari empat orang informan, iaitu Joseph Majilon; Rapieh binti Barusik; Jacqueline Karimon dan Jesilda Paulus. Kriteria informan bagi kajian yang telah dilaksanakan adalah, individu yang memiliki pengalaman peribadi dan terlibat sama dalam upacara *inasi*, termasuk *angkikiat* tidak kurang dari lima kali. Informan yang utama dalam temu bual ialah Joseph Majilon yang berusia 56 tahun. Dari awal usianya, beliau telah mengikuti kira-kira 50 kali upacara *inasi* yang diadakan di sekitar Nabawan. Beliau juga pengumpul maklumat dan mendokumentasikan pengalamannya dalam upacara *inasi*. Pendokumentasian yang dihasilkan oleh beliau masih dalam proses penyuntingan untuk diterbitkan oleh Perpustakaan Negeri Sabah pada tahun 2021. Menurut beliau, dokumentasi yang dihasilkan itu lebih bersifat umum dan tiada penulisan secara terperinci mengenai acara *inasi* terutamanya untuk acara *angkikiat*. Informan yang seterusnya ialah Rapieh Binti Barusik yang berusia 42 tahun. Beliau merupakan wanita tempatan yang mempunyai pengalaman dalam menganjurkan upacara *inasi* dan beliau telah mengikuti upacara *inasi* yang diamalkan sejak turun temurun oleh nenek moyangnya. Informan yang berikutnya pula adalah Jacqueline Karimon yang berusia 31 tahun. Beliau merupakan sukarelawan biro penyelidikan dan inovasi Persatuan Murut Paluan. Selain itu, beliau juga adalah anak kepada mantan Ketua Adat Murut Paluan iaitu mendiang Karimon. Kriteria calon informan adalah

individu yang mempunyai pengalaman dalam mengamalkan atau menganjurkan acara *inasi* untuk menghuraikan secara terperinci mengenai persembahan dalam acara *angkikiat*. Informan keempat adalah Jesilda Paulus yang juga merupakan keturunan Murud. Beliau berumur 30 tahun dan telah turut serta dalam amalan *inasi* lebih dari lima kali.

Soalan temu bual dalam bahasa Melayu diberikan terlebih dahulu sebelum tarikh temu bual kepada semua informan agar mereka dapat bersedia untuk memberi jawapan atau bahan-bahan material berkaitan amalan *inasi*. Soalan-soalan tambahan pula ditanya semasa sesi temu bual untuk memperoleh data terperinci daripada informan. Jacquelina Karimon dan Jesilda Paulus turut membantu pengkaji untuk menterjemah maksud dari istilah-istilah yang digunakan oleh masyarakat Murut Paluan dalam keseluruhan acara-acara di dalam upacara *inasi* termasuk acara *angkikiat*. Manakala Rapieh binti Barusik pula memberi penjelasan tentang kronologi proses amalan *angkikiat*.

Di samping itu, kaedah analisis kandungan turut diaplikasikan bagi tujuan penelitian terhadap gambar foto dan rakaman video acara *angkikiat*. Oleh sebab pengkaji tidak dapat menjalani sendiri pengalaman menyertai acara *angkikiat*, informan telah berkongsi foto dan video semasa acara dijalankan. Sumber foto dan video diperolehi dari Jesilda Paulus iaitu anak kepada pengamal adat. Maklumat ini juga diperolehi dari Reveylyezrafera Roselley. Kedua-kedua informan ini juga turut serta dalam menyempurnakan acara *angkikiat* yang diamalkan di Nabawan, Sabah.

Sehubungan itu, amalan acara *angkikiat* yang diamalkan dalam upacara *inasi* oleh masyarakat Murut di Nabawan, Sabah dianalisis dengan mengaplikasikan konsep *nest* dalam teori persembahan yang diasaskan oleh Richard Schechner (2013). Data kajian dianalisis melalui tiga peringkat proses acara *angkikiat* iaitu pada proses persediaan, proses pementasan dan proses peleraian acara *angkikiat*. Penelitian terhadap semua proses dalam amalan *angkikiat* ini akan memaparkan *metacommentary* atau pandang dunia masyarakat Murut Paluan, di Sabah.

## Dapatan kajian

Terdapat tiga proses utama dalam acara *angkikiat*, iaitu proses pra persembahan atau proses persediaan, proses pementasan dan proses peleraian. Setiap proses yang dijalankan ini mempunyai kepentingan yang tersendiri untuk melengkapi acara *angkikiat*. Selain itu, setiap proses berkenaan juga memaparkan *metacommentary* terhadap hubungan kekeluargaan yang dipegang oleh kaum Murut Paluan. Oleh yang demikian, perbincangan tentang perjalanan proses acara *angkikiat* diperincikan mengikut susunan proses persediaan, proses pementasan dan proses peleraian.

### *Proses persediaan acara angkikiat*

Proses persediaan merupakan satu peringkat yang penting dalam menjayakan sesebuah persembahan. Jika merujuk pada apa-apa jenis genre persembahan, persediaan awal atau pra-produksi atau pra-persembahan adalah peringkat yang perlu diperincikan untuk merancang pelaksanaan suatu acara dengan sempurna. Kegagalan pada proses persediaan awal akan memberi kesan terhadap acara yang akan dilaksanakan dalam proses pementasan seterusnya. Sehubungan dengan itu, sub topik ini akan menerangkan proses-proses persediaan berkaitan

dengan perbincangan awal, persiapan perbelanjaan kewangan, persiapan makanan, dan persiapan persembahan.

a. Perbincangan awal

Perbincangan akan diadakan terlebih dahulu antara kedua-dua belah pihak untuk merancang pemberian barangan dan acara-acara yang akan diadakan sewaktu hari kejadian. Upacara *inasi* akan diadakan selama tiga hari. Segala persediaan ini akan dibincangkan sekurang-kurangnya 6 hingga 12 bulan sebelum hari acara berlangsung (Joseph, 2021). Untuk tujuan tersebut pihak lelaki akan menghantar beberapa orang wakil untuk mengadakan perbincangan ini. Wakil pihak lelaki akan berkunjung ke rumah pihak perempuan untuk menyatakan kesediaan pihak mereka untuk mengadakan upacara *inasi*. Pelbagai aktiviti dan acara menarik akan dibincangkan bagi mengadakan acara *inasi* sepanjang tiga hari ia dilaksanakan. Aturcara bagi tiga hari tersebut akan disusn dari waktu pagi hingga ke waktu malam. Antara acara tersebut adalah acara *angkikiat* yang bermaksud “bermain-main atau bermain”. Oleh yang demikian, acara *angkikiat* adalah salah satu acara yang dibincangkan dengan rapi kerana ianya adalah acara pembukaan dalam upacara *inasi*.

b. Persiapan perbelanjaan kewangan

Bagi skop pecahan acara dalam upacara *inasi*, acara *angkikiat* juga memerlukan perbelanjaan kewangan. Segala perbelanjaan juga tidak hanya ditanggung oleh pengantin secara individu kerana jumlah perbelanjaannya agak besar. Maka ia dijalankan secara kolektif iaitu setiap ahli keluarga akan sepakat untuk mengeluarkan sumbangan bagi bagi menampung perbelanjaan dari sudut kewangan. Jumlah sumbangan itu juga tidak ditetapkan sebaliknya ahli keluarga boleh mengeluarkan belanja mengikut kemampuan mereka. Semasa pertemuan awal atau mesyuarat dalam kalangan *amagun* atau tuan rumah, perbelanjaan untuk setiap bahagian itu akan dibahagikan mengikut pecahan-pecahan acara dan barangan yang diperlukan. Selari dengan pemikiran bahawa tetamu membawa mesej yang cukup penting sebagai gambaran kejayaan dan layanan terbaik tuan rumah menyediakan majlis yang baik, maka untuk acara *angkikiat*, segala keperluan dalam acara *angkikiat* akan dipertanggungjawabkan kepada satu atau beberapa individu dalam kalangan ahli keluarga *amagun* (Jacquelina, 2020).

Jika tidak seperti yang diharapkan, masyarakat Murut Paluan akan menerima *akauyuh* atau rasa malu. Kecacatan dan ketidaksempurnaan semasa melaksanakan acara akan menjatuhkan maruah dan merosakkan nama keluarga yang terlibat (Jacquelina, 2020). Justeru, masyarakat Murut Paluan sangat mementingkan layanan istimewa kepada tetamu kerana ia adalah simbol kebolehan, keberadaan dan keikhlasan mereka mengalu-alukan tetamu. Sikap dan cara melayan tetamu seperti ini juga tidak asing kepada sub-etnik masyarakat Murut yang lain di Sabah. Oleh yang demikian, aspek kewangan akan dirancang dengan teliti agar maruah keluarga pihak *amagun* terpelihara.

c. Persiapan makanan

Pihak *amagun* dan *tambului* (pihak tetamu) akan mempersiapkan makanan dan minuman untuk dibawa semasa hari berlangsungnya upacara *inasi*. Terdapat beberapa makanan dan minuman

yang wajib dibawa semasa acara *angkikiat*. Antara makanan tersebut adalah jeruk ikan, jeruk babi, nasi bungkus, ayam rebus dan minuman *linutou* (Jesilda, 2021). Makanan dan minuman ini perlu disediakan dengan sempurna sebelum hari acara *angkikiat* bagi mengelak *akauyuh* sekiranya tetamu tidak berpuas hati.

Penyediaan makanan yang pertama adalah jeruk ikan. Masakan jeruk ini adalah sejenis masakan yang perlu diperam dengan tempoh masa yang lama. Semakin lama ikan tersebut diperam, semakin tinggi kualiti jeruk ikan tersebut. Tempoh masa menyediakan ikan jeruk ini adalah sekitar satu hingga tiga bulan. Kebiasaannya pihak lelaki akan ke sungai untuk mencari ikan bagi tujuan persediaan makanan untuk acara ini. Antara jenis ikan yang kebiasaannya dicari adalah ikan yang bersaiz besar seperti ikan patin atau *lambungou* dan ikan kelah. Selain ikan, pihak lelaki juga akan ke hutan untuk memburu babi untuk dijeruk. Kemahiran memburu yang diwarisi secara turun temurun itu amat berguna pada persiapan seperti ini bagi mendapatkan kualiti daging yang terbaik. Tempoh masa peraman juga sama seperti jeruk ikan iaitu selama satu hingga tiga bulan. Kuantiti yang mencukupi dan kelazatan hidangan menjadi keutamaan pihak *amagun* kepada pihak *tambului*.

Seterusnya, persediaan makanan asas bagi masyarakat Murut iaitu nasi. Pihak wanita akan menyediakan nasi yang dibungkus di dalam daun pisang untuk dimakan bersama lauk pauk yang disediakan. Pihak wanita dari pihak *amagun* akan menyiapkan hidangan ini pada malam sebelum acara atau di awal pagi hari acara berlangsung. Ianya bergantung pada pihak *amagun* untuk menetapkan persiapan tersebut. Begitu juga dengan ayam rebus, mereka akan memasak di awal pagi ataupun pada malam sebelum hari acara berlangsung.

Bagi minuman pula, tapai menjadi minuman utama untuk acara *angkikiat*. Tapai yang disediakan terbahagi kepada dua jenis iaitu tapai biasa dan juga tapai yang disebut sebagai *linutou*. *Linutou* merupakan minuman tradisi Murut Paluan yang seakan-akan tuak. Proses penghasilannya juga mengambil masa yang lama. Kedua-dua minuman ini juga disarankan untuk diperam dalam tempoh masa yang lama bagi mendapatkan kualiti rasa yang baik. Ianya juga bertujuan untuk memberi kepuasan kepada pihak *tambului* menikmati hidangan dari pihak *amagun*.

#### d. Persiapan pementasan

Acara *angkikiat* akan dipersembahkan dalam bentuk lakonan. Persediaan ruang lakon diperlukan untuk persembahan ini. Konsep pentas yang digunakan adalah bersifat fleksibel. Ianya berbeza dengan pentas-pentas yang sedia ada untuk sesebuah persembahan pentas yang lain. Kedudukan penonton juga tidak tetap. Ruangan pentas yang disediakan untuk persembahan acara *angkikiat* ini adalah di hadapan laman rumah *amagun* dan juga di sekitar *pusangag* (tempat menunggu tetamu). *Pusangag* akan dibina oleh *amagun* tidak jauh dari rumah mereka kira-kira dengan jarak 100 -500 meter. Ruangan ini akan dibina beberapa minggu sebelum acara bermula oleh ahli keluarga pihak *amagun*. Golongan lelaki akan ke hutan untuk menebang pokok untuk membina *pusangag* dengan kukuh supaya dapat menampung jumlah pihak *tambului* yang hadir. Tiada ketetapan khusus bagi jenis kayu yang digunakan untuk pembinaannya. Ketinggian *pusangag* adalah kira-kira lima hingga enam kaki, dengan keluasan berukuran 10 kaki panjang dan 10 kaki lebar seperti yang dipaparkan dalam Rajah 1. Lazimnya ukuran binaan *pusangag* akan ditetapkan semasa perbincangan awal antara pihak *amagun* dan *tambului* dengan mengambilkira jumlah hadirin untuk upacara *inasi* yang bakal dilaksanakan.



*Pusangag* dibina sebagai persinggahan pihak *tambului* sebelum meneruskan perjalanan ke rumah *amagun*. Tujuan ruangan menunggu ini dibina adalah untuk pihak *tambului* berehat seketika sambil menjamah hidangan yang disediakan pihak *amagun* di samping berhibur dengan acara *angkikiat*. Hal ini kerana, pada ketika dahulu sebelum kewujudan kemudahan kenderaan automotif, *tambului* akan berjalan kaki dari rumah mereka hingga ke kawasan rumah *amagun* walau mereka dari kampung yang berbeza (Jacquelina, 2020). Sehubungan itu, ruang lakon untuk persembahan acara *angkikiat* diadakan di dua tempat berbeza iaitu di perkarangan rumah *amagun* dan di kawasan *pusangag*.



Sumber: Reveylzezrafera (2020)

### Rajah 1. *Pusangag*

Penggerak kepada acara *angkikiat* ini juga tidak kurang akan kepentingannya. Mereka terdiri daripada pihak *amagun* dan pihak *tambului*. Dalam konteks persembahan *angkikiat*, mereka juga disebut sebagai pelakon atau pemain. Penetapan pelakon atau pemain ini akan ditetapkan oleh kedua-dua pihak dan ia boleh berubah pada bila-bila masa sahaja (Rapieh, 2020). Bagi persembahan *angkikiat* ini, ciri-ciri pelakon atau pemainnya haruslah wanita yang belum berkahwin. Jumlah penglibatannya dari 10 hingga ke 20 orang. Bagi pihak *amagun*, mereka akan diketuai oleh seorang wanita yang akan menggalas *buyung* (tempat letak makanan) dengan bertongkat untuk memulakan acara tersebut. Dari aspek persediaan watak pula, masing-masing antara pihak *amagun* dan *tambului* akan merancang gaya perwatakan yang akan dibuat semasa hari acara tersebut berlangsung. Akan tetapi watak pelakon atau pemain ini juga boleh berubah mengikut kesesuaian adegan yang diciptakan secara spontan pada waktu persembahan dilangsungkan.

Dari aspek persediaan busana atau pakaian sewaktu persembahan, para pelakon atau pemain memegang watak *humor* atau lucu mengenakan pakaian harian yang sesuai dengan watak mereka. Pada kebiasaannya beberapa hari sebelum bermulanya acara *angkikiat*, pemain atau pelakon akan menyiapkan sendiri kelengkapan busana masing-masing. Bagi pihak *tambului*, mereka akan memakai topeng (Rajah 2). Penggunaan topeng juga bebas dan tiada penetapan khas untuk jenis pemilihan topeng. Topeng tersebut boleh dibeli atau dibuat sendiri dengan menggunakan kotak atau apa-apa bahan semula jadi. Busana dan pakaian bagi ketua rombongan yang memulakan acara *angkikiat* dari pihak *amagun* akan menyediakan pakaian yang buruk dan kelihatan lucu. Pemilihan busana atau pakaian bagi persembahan *angkikiat* akan membantu

penciptaan watak yang lucu dari pelakon atau pemain pihak *amagun* dan pihak *tambului* (Rajah 3).



Sumber: Jacqueline (2020)

**Rajah 2.** Pelakon Tambului dalam persembahan *angkikiat* memakai topeng.



Sumber: Jacqueline (2020)

**Rajah 3.** Adegan pertembungan pihak Tambului dan pihak Amagun.

Persediaan yang tidak kurang pentingnya untuk persembahan *angkikiat* adalah penyediaan props atau barangan keperluan pelakon. Antara props yang digunakan oleh pelakon dalam persembahan *angkikiat* adalah buyung, makanan, minuman, buluh, tongkat kayu, kolumpur (sisa kayu api yang dibakar), ranting kayu. Buyung digunakan untuk meletakkan makanan dan minuman yang akan dibawa ke *pusangag*. Buluh pula disediakan untuk meletakkan minuman tapai dan *linutou* kemudiannya diisi ke dalam buyung yang akan digalas oleh pelakon pihak *amagun*. Tongkat kayu disediakan oleh pihak *amagun*, ia digunakan oleh ketua rombongan pihak *amagun* untuk menggambarkan watak orang tua. Arang kayu api atau disebut sebagai kolumpur dan ranting kayu yang dikutip di sekitar kawasan rumah pihak *amagun* digunakan oleh pihak *tambului* untuk mengusik pihak *amagun*.

#### *Proses semasa acara angkikiat*

Semasa hari kejadian iaitu pada hari pertama, pihak *tambului* akan berkumpul untuk berarak menuju ke rumah pihak *amagun*. Setelah tetamu iaitu pihak *tambului* berkumpul, paluan gong dimulakan menandakan bahawa pihak *tambului* akan menuju ke pihak *amagun*. Paluan gong dimulakan dari rumah pihak *tambului* sehingga ke *pusangag* dikenali sebagai perhentian penyambut tetamu sebelum sampai ke rumah pihak *amagun*. Rajah 4 menunjukkan perarakan pihak *tambului* tersebut. Setelah sampai di *pusangag*, sekali lagi paluan gong dimainkan untuk menandakan pihak *tambului* sudah tiba di kawasan *pusangag* dan meminta untuk dihantar makanan oleh pihak *amagun*. Kali ini paluan gong tersebut akan dikuatkan. Paluan gong di *pusangag* akan dikendalikan oleh sesiapa sahaja dari pihak *amagun* atau *tambului*.



Sumber: Reveylzezrafera (2020)

Rajah 4 : Paluan Gong Dari Pihak Tambului Menuju Rumah Besar Amagun

Seterusnya, pihak *amagun* membalas paluan gong menandakan mereka memaklumi ketibaan pihak *tambului* dan bersedia menghantar *ambot* atau makanan. Rajah 5 menunjukkan penghantaran *ambot* oleh satu kumpulan remaja yang belum berkahwin. Lazimnya kumpulan ini akan diketuai oleh seorang wanita berumur yang tidak bersuami. Para remaja perempuan akan *menyikut* (menggilas) makanan seperti nasi dibungkus dalam daun pisang dan diletakkan di dalam “buyung” manakala para remaja lelaki akan mengangkat jeruk yang disimpan dalam buluh, minuman tradisi dalam *tajau* (Rajah 6) dan ayam yang sudah direbus. Sebelum menuju ke *pusangag* para remaja ini akan meminum sedikit tapai yang disebut sebagai *tumim* sambil diiringi dengan paluan gong di rumah *amagun*. Seterusnya salah seorang dari mereka akan membawa ayam hidup untuk dipotong kuku dan diambil darahnya serta disapu pada kedua-dua pengantin. Ritual ini dikenali sebagai *ansingil* dan dilaksanakan bagi menebus kekurangan pada mana-mana adat yang dilaksanakan sepanjang *inasi*. Selepas itu, acara makan bersama dimulakan.



Sumber: Reveylzezrafera (2020)

Rajah 5. Adegan gadis berpakaian tradisional *Pinongkolo* dari pihak *Amagun* membawa makanan ke *Pusangag*



Sumber: Jacqueline (2020)

**Rajah 6.** Persiapan *Tajau* sebagai props.

Kira-kira satu atau dua jam selepas itu, para remaja yang menghantar *ambot* akan balik ke rumah *amagun* dan membawa barang-barang yang dibawa oleh mereka tadi. Pihak remaja ini yang akan memberitahu kepada pihak *amagun* untuk naik ke rumah yang disebut sebagai *sumakoi*. Setengah jam sebelum itu, pihak *tambului* akan memukul gong sekali lagi untuk menandakan mereka akan menuju ke rumah *amagun*. Bagi makanan yang tidak habis dimakan akan diletakkan semula di dalam rumah yang telah dibuat khas dan dikenali sebagai *sindur*.

Setelah sampai ke perkarangan rumah *amagun*, pihak *amagun* akan menyambut tetamu dengan cara memasang *kulumpor* dari kayu yang telah dibakar dan diletak di hadapan beranda rumah besar. Persembahan *angkikiat* diawali dengan berlatarkan suara kegembiraan dan beberapa bacaan doa (kata-kata baik yang mendoakan kebaikan kepada pihak tuan rumah). Dalam segmen ini *angkikiat* akan diwakili daripada watak tuan rumah yang telah memakai kostum lengkap yang diperbuat dari alam semula jadi seperti daun tarap, daun pisang, kayu api dan dedaun yang akan menyokong watak humor mereka. *Angkikiat* ini umumnya dijalankan untuk membawa pengantin perempuan kepada pihak tuan rumah iaitu rumah asalnya. Hal ini kerana, pengantin perempuan yang telah tinggal dengan suaminya tidak lagi pulang ke rumah keluarganya dengan kerap (Joseph, 2021).

Ketika persembahan *angkikiat* berjalan pihak tetamu terlebih dahulu berjalan dalam watak masing-masing dan menemui pihak tuan rumah. Pihak tuan rumah akan berlawan watak dengan pihak tetamu. Watak yang selalu ditonjolkan adalah tidak tetap yang bergantung kepada unsur lucu yang boleh menarik perhatian penonton (Jacqueline, 2020). Sebagai contoh mereka akan melakonkan watak yang bukan bersifat manusia, lakonan dengan gerak aksi diperbesarkan, berpakaian tidak terurus dan memakai topeng yang menggambarkan watak lucu. Topeng ini selalunya diperbuat daripada daun tarap atau mereka melukis muka dengan mereka menggunakan arang. Adegan yang menarik dalam acara *angkikiat* ini ialah pihak tetamu akan menyembunyikan pengantin perempuan dengan cara memakaikan pengantin perempuan pakaian yang tidak mudah dikenali seperti pakaian yang jarang dipakai oleh wanita secara realiti. Jika pihak tuan rumah berjaya mengesan pengantin perempuan, manakala pihak tetamu pula harus berusaha menghalang pihak tuan rumah membawa pengantin perempuan naik ke dalam rumah.

Jika pihak tuan rumah berjaya maka upacara *inasi* boleh dimulakan dengan meriah kerana persembahan *angkikiat* adalah acara pembukaan bagi upacara *inasi*.

Pemain dalam *angkikiat* ini tidak terikat kepada peringkat umur namun selalunya akan hanya dimainkan oleh pihak perempuan sahaja. Peralatan muzik yang digunakan juga tiada tetapi mereka hanya mengambil apa-apa sahaja barangan yang ada di sekeliling mereka untuk dipukul atau diketuk dengan nada rambang sebagai isyarat pihak tetamu telah hampir tiba serta diiringi oleh suara dengan berkata-kata secara rambang. *Angkikiat* dimainkan di halaman rumah besar pihak perempuan. Tujuan *angkikiat* dimainkan adalah sebagai ungkapan kegembiraan kedua belah pihak tetamu dan tuan rumah menanam rasa puas hati dalam pertemuan yang cukup bermakna itu (Jacquelina, 2020).

### *Proses peleraian acara angkikiat*

Setelah semua pihak tetamu dan pihak tuan rumah telah naik ke rumah, persembahan *angkikiat* ditamatkan. Acara berikutnya adalah ‘angkikiat subak rokok’ dan disusuli dengan “subak’ iaitu tetamu yang akan dihidangkan air, roti dan kuih muih. Dalam acara ini semua yang dihidangkan oleh pihak *amagun* akan dibayar oleh pihak *tambului* dengan menggunakan duit yang seakan pertukaran barter. Seterusnya pihak *amagun* akan menghidangkan makanan seperti nasi dan lauk pauk. Ianya disebut sebagai ‘*sakoi*’. Acara *angkikiat subak rokok* ini menjadi satu transisi perpindahan acara atau selingan untuk memberi peluang kepada tetamu berehat seketika sebelum meneruskan acara-acara yang lain (Rapieh, 2020).

## **Kesimpulan**

Acara *angkikiat* yang diamalkan oleh masyarakat Murut Paluan di Sabah memiliki aspek seni persembahan yang agak nyata dan signifikan bagi masyarakatnya. Bersandarkan pengaplikasian konsep *nest* oleh Richard Schechner (2003), proses persembahan acara ini dapat diuraikan dalam memahami sudut pandang dunia masyarakat ini. Ketiga-tiga proses itu memaparkan kerjasama dan kesepaduan dalam menjaga maruah serta kepentingan dua buah keluarga yang disatukan melalui perkahwinan. Secara kesimpulannya, acara *angkikiat* merupakan ‘*metacommentary*’ atau pandang dunia masyarakat Murut Paluan tentang hubungan kekeluargaan yang erat antara ahlinya. Keunikan *angkikiat* adalah persembahan mencari pengantin perempuan yang berfungsi sebagai pembuka bicara antara kedua keluarga yang terlibat. Acara ini juga membuktikan nilai yang diletakkan oleh masyarakat ini terhadap kerjasama, sokongan kewangan dan maruah keluarga melalui amalan *angkikiat* dalam upacara *inasi*. Selain itu, ia juga memaparkan komitmen masyarakat ini dalam memastikan kelangsungan amalan tradisi mereka.

## **Penghargaan**

Artikel ini dihasilkan dengan bantuan Skim Geran Penyelidikan UMS (Skim Pensyarah Lantikan Baru) dengan tajuk “Analisis Persembahan Angkikiat dan *Agiruandu* Dari Aspek Seni Pentas”. SLB1680.

## Rujukan

- Borham, A. H., Abdullah, W. H., Rahim, M. M. A., & Kamaruzaman, M. A. (2016). Metod dakwah Mohd Fadli Yusof dalam pengislaman suku kaum masyarakat Murut di pedalaman Sabah. *Al-Hikmah*, 8(2), 60-80.
- Chong Sui Kim & Doretty Sikuat. (2020). *Murut Sabah*. Kota Kinabalu: Penerbit Perpustakaan Negeri Sabah.
- Ismail Ibrahim. (2012). *Warisan Motif & Corak Murut*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Jacquelina Karimon. (2020). Upacara inasi masyarakat Murut Paluan di Sabah. Kota Kinabalu, Sabah. *Temu Bual*. 20 Disember.
- Jesilda Paulus. (2021). Acara Angkikiat dan Agiruandu dalam upacara inasi Murut Paluan. Nabawan, Sabah. *Temu Bual*. 10 Jun.
- Joseph Majilon. (2021). Pelaksanaan upacara inasi dalam masyarakat Murut Paluan Sabah. Nabawan, Sabah. *Temu Bual*. 5 Jun.
- Karimon, J., & Saiful Bahri Md Razi. (2020) Mitos asal-usul: Aki Kinapuno pentadbir agung Murut Paluan. *AL-QIYAM International Social Science and Humanities Journal*, 3(2), 64-76.
- Karimon, J., & Saiful Bahri Md Razi. (2021). Merungkai rahsia mistik kehidupan etnik Murut Paluan dalam mitos tumbuhan. *International Journal of The Malay World and Civilisation*, 9(1), 81-96.
- Lokin, S. A. H. (2007). *Perubahan Sosioekonomi dan Pentadbiran Masyarakat Peribumi Sabah (1881-1963)*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Mariappan, K., & Porodong, P. (2012). *Murut dan pelbagai etnik kecil lain di Sabah*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
- Mat Zin Mat Kib. (2003). *Kristian di Sabah 1881-1994*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Min, T. M., & On, L. K. (2019). Signifikan budaya mengayau dan ritual dalam persembahan Lansaran. *Jurnal Gendang Alam (GA)*, 9, 57-83.
- Mohad, A. H., Gill, S. S., Talib, A. T., & Kunasekaran, P. (2016). The Murut Tahol culture in Sabah: The historical journey and challenges. *Asian Culture and History*, 8(2), 106-106.
- Mohad, A. H. (2005). Tajau dan peranannya dalam budaya masyarakat Murut di Tenom, Sabah. *Jurnal Peradaban Melayu*, 3, 61-69.
- Normadiah, N., Low, K. O., Ismail Ibrahim & Supyan, H. (2017). Unsur kepercayaan dan kearifan tempatan dalam memorat perubatan tradisional etnik Murut Tahol di Sabah. *KEMANUSIAAN: The Asian Journal of Humanities*, 24(2), 59-88.
- Nur Afifah Vanitha Abdullah, Zubir Idris & Shaiful Bahari Md. Razi. (2018). Persembahan ritual Makan Tahun masyarakat Kadayan. Dalam Nur Afifah & Y. Yusmiyati, *Etos dan ekspresi budaya Melayu* (ms. 55-71). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Afifah Vanitha Abdullah. (2021). Gong dalam kehidupan golongan aristokrat Sebung, Kenyah di Sarawak. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 17(2), 286-297.

- Pugh-Kitingan, J. (2012). Murut. Dalam Mariappan, K. & Porodong, P., *Murut dan pelbagai etnik kecil lain di Sabah*. (ms. 23-107). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
- Rapieh Barusik. (2020). Proses pelaksanaan upacara inasi masyarakat Murut Paluan, Sabah. Nabawan, Sabah. *Temu Bual*. 22 Mac.
- Schechner, R. (2003). *Performance theory*. New York: Routledge.
- Schechner, R. (2013). *Performance studies: An introduction*. New York: Routledge.
- Suhaimi Magi. (2018). *Tarian Magunatip Etnik Nabai Dan Paluan: Daripada Permainan Tradisional Ke Persembahan Pentas Kini*. Tesis Sarjana, Universiti Malaysia Sabah.
- Woolley, G. C. (1936). Some Murut hunting customs. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 14(126), 307-313.